

Kajian sistem saraan awam diumumkan dalam masa terdekat

Putrajaya: Kajian terhadap Sistem Saraan Perkhidmatan Awam akan diumumkan dalam masa terdekat selepas semua perincian dimuktamadkan, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata, kajian itu kini dalam tindakan akhir dan pengumuman mengenainya akan dibuat kerajaan.

“Kerajaan memutuskan agar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuat kajian mengenai bagaimana kita mahu *transform* (mengubah) perkhidmatan awam.

“Saya rasa perkara ini sudah dibentangkan beberapa kali dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet. Apabila sudah muktamad, kerajaan akan umumkan,” katanya selepas Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-18 (MAPPA XVIII) di sini, semalam.

Amanat disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

PM setuju segerakan kajian

Kerajaan umum 6 inisiatif baharu penjawat awam

Tambahan khas RM100 dalam KGT babit 1.28 juta kakitangan dengan kos RM1.5 bilion

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mengumumkan enam inisiatif baharu dan berita gembira buat penjawat awam antaranya tambahan khas RM100 dalam Bayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) dan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023.

“Keluh kesah anggota perkhidmatan awam sentiasa didengari oleh kerajaan,” katanya pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-18 (MAPPA XVIII) yang dihadiri kira-kira 8,000 anggota perkhidmatan awam secara fi-

BERITA GEMBIRA BUAT PENJAWAT AWAM


Kadar maksimum cuti rehat boleh dikumpulkan bagi tujuan ganjaran tunai dinaikkan daripada **160 hari** kepada **180 hari**.



Tambahan kadar **Cuti Rehat Khas (CRK)** lima hari untuk **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan** yang berkhidmat lebih **10 tahun**, menjadikan jumlah **CRK 15 hari setahun**.



Tafsiran ahli keluarga bagi menikmati kemudahan **Cuti Tanpa Rekod** urusan kematian ahli keluarga terdekat diperluaskan.



Penambahbaikan untuk **pergerakan gaji tahunan** kepada pegawai yang telah mencapai gaji maksimum.



kepada pegawai yang telah mencapai gaji maksimum.

“Kerajaan telah bersetuju menambah baik Kadar Tetap 3 peratus semasa yang diterima oleh pegawai yang mencapai gaji maksimum kepada suatu kadar baharu dan diseragamkan mengikut gred bagi semua klasifikasi perkhidmatan berkuat kuasa 1 Jan 2022,” katanya.

Ismail Sabri berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengeluarkan pekeliling berkaitan bagi penjelasan terperinci bagi perkara itu.

Beliau berkata, kerajaan juga bersetuju agar JPA menyegerakan kajian ke atas Sistem Saraan Perkhidmatan Awam dengan mengambil kira keseluruhan aspek modal insan.

“Kajian juga merangkumi saranan dan perkhidmatan agar relevan dengan keadaan semasa serta kemampuan kewangan kerajaan,” katanya.

Dalam perjumpaan bersama penjawat awam itu, Ismail Sabri mengucapkan terima kasih kepada semua penjawat awam yang sentiasa memastikan jentera kera-

Terdahulu, ketika berucap Ismail Sabri berkata, kerajaan sudah bersetuju agar JPA menyegerakan kajian terhadap Sistem Saran Perkhidmatan Awam dengan mengambil kira keseluruhan aspek modal insan merangkumi saraan dan perkhidmatan agar relevan dengan keadaan semasa serta kemampuan kewangan kerajaan.

Sebelum ini, CUEPACS mencadangkan sistem saraan baharu dilaksana susulan penetapan gaji minimum penjawat awam yang digunakan ketika ini berada di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Presidennya, Adnan Mat, dipetik sebagai berkata, ketika ini kerajaan masih mengekalkan Sistem Saran Malaysia (SSM) yang ditambah baik selepas melalui beberapa siri pemansuhan antaranya Sistem Saran Baru (SSB) pada 1992 dan Jawatankuasa Gaji Kabinet pada tahun 1976.

Bagaimanapun, CUEPACS berharap kerajaan dapat memperkenalkan sistem saraan baharu bagi menggantikan sistem saraan sedia ada yang telah digunakan sejak 2002 dan dilihat tidak lagi relevan dan komprehensif dengan keadaan semasa.

Sementara itu, Mohd Zuki berkata, beliau bagi pihak penjawat awam merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri atas penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan penjawat awam selama ini melalui pemberian insentif termasuk bonus dan kenaikan gaji tahunan.

zikal di sini serta ribuan lagi mengikutinya dalam talian.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah; Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat serta Menteri Kabinet.


Perdana Menteri menjelaskan, KGT tambahan khas sebanyak RM100 itu adalah bagi penjawat awam Gred 11 hingga Gred 56 dan dibayar mulai Januari 2023 yang melibatkan kira-kira 1.28 juta penjawat awam serta implikasi kewangan sebanyak RM1.5 bilion.

“Sebagai contoh, sebelum ini kadar KGT bagi gred 11 adalah RM80, maka pada 2023, beliau akan menerima kadar KGT asas sebanyak RM80 dan tambahan khas sebanyak RM100 menjadikan jumlah KGT diterima pada 2023 adalah sebanyak RM180,” katanya sambil disambut dengan sorakan gemuruh hadirin setiap kali beliau mengumumkan insentif untuk penjawat awam.

Ismail Sabri turut mengumumkan BKK Tahun 2023 kepada anggota perkhidmatan awam Gred 56 ke bawah berjumlah RM700, manakala RM350 bagi pesara kerajaan dan veteran tidak berpencen yang juga dibayar pada Januari 2023.

MAPPA adalah acara tahunan bagi mendengar amanat daripada Perdana Menteri kepada anggota perkhidmatan awam pelbagai peringkat Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan serta syarikat berkaitan kerajaan.

Bayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tambahan khas RM100 untuk penjawat awam Gred 11 hingga Gred 56 dan akan dibayar mulai Januari 2023.



Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2023 sebanyak RM700 dibayar kepada anggota Gred 56 ke bawah dan RM350 bagi pesara kerajaan dan veteran tidak berpencen akan diberi pada Januari 2023.

Pada perhimpunan itu Ismail Sabri turut mengumumkan kenaikan kadar maksimum jumlah cuti rehat yang boleh dikumpulkan bagi tujuan award wang tunai (GCR) daripada 160 hari kepada 180 hari.

Beban tugas kian mencabar

Kerajaan, kata Perdana Menteri memahami dengan beban tugas yang semakin besar dan mencabar sehingga ramai anggota perkhidmatan awam yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat tahunan mereka.

“Dengan kenaikan kadar maksimum GCR ini, membolehkan cuti tersebut disimpan bagi tujuan award wang tunai semasa persaraan sekali gus meningkatkan tunai di tangan pada hari persaraan kelak,” katanya.

Ismail Sabri turut mengumumkan tambahan Kadar Cuti Rehat Khas sebanyak lima hari menjadikan jumlah Cuti Rehat Khas 15 hari setahun kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah ber-

khidmat melebihi 10 tahun.

Tambahan Cuti Rehat Khas sebanyak lima hari itu akan memberi manfaat kepada kira-kira 500,000 guru bagi urusan mustahak dan kecemasan yang dibenarkan serta memberi peluang guru mengumpul jumlah GCR yang lebih tinggi.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut mengumumkan perluasan tafsiran ahli keluarga bagi kemudahan Cuti Tanpa Rekod urusan kematian ahli keluarga terdekat.

“Jika sebelum ini cuti tanpa rekod bagi urusan kematian hanya tertakluk kepada kematian suami atau isteri, ibu kandung dan ibu mertua, bapa kandung dan bapa mertua serta anak, penambahbaikkan tafsiran ahli keluarga diperluas kepada kematian yang melibatkan adik-beradik, nenek dan datuk bagi anggota perkhidmatan awam,” katanya.

Beliau turut memaklumkan langkah penambahbaikkan pemberian pergerakan gaji tahunan

jaan bergerak dengan berkesan, melaksanakan dasar dan menjayakan setiap aspirasi kerajaan.

“Sekiranya produktiviti dapat ditingkatkan, ekonomi negara akan bertambah kukuh dan kerajaan akan lebih berupaya meningkatkan kemudahan kepada Keluarga Malaysia seluruhnya,” katanya menambah penjawat awam tidak akan dilupakan dan yakin mereka adalah tonggak Aspirasi Keluarga Malaysia.

Terdahulu, ketika ditemu bual dalam Program 3 Pagi Era yang disiarkan stesen radio berbahasa Melayu Era, milik Astro Radio, Ismail Sabri berkongsi pengalaman membesar sebagai anak penoreh getah yang mempunyai lapan adik-beradik.

Katanya, kesusahan menjadikan seseorang itu lebih kuat selain turut sama dapat menghargai kesusahan orang lain.

“Perjuangan membela rakyat bukan *klise* semata-mata tetapi kerana perasaan saya yang dapat merasakan kesusahan itu.

“Orang lain mungkin tahu tentang kemiskinan melalui pembacaan dan sebagainya. Saya merasainya sendiri.

“Kalau keluar dalam media contohnya waktu COVID-19 tidak bekerja, anak makan pun tak tentu, saya boleh rasakan kalau saya baca dan saya boleh rasai perasaan mereka,” katanya.

Temu bual selama sejam bersama Perdana Menteri itu adalah antara pengisian Inspirasi Setahun Keluarga Malaysia sempena genap setahun pentadbirannya pada 21 Ogos 2021.